

09 SEP 1999

SINGAPURA-RENCANA

PEMBAHARUAN ATAU YANG LAIN AKAN IKUT CONTOH MALAYSIA DALAM KRISIS AKAN DATANG

SINGAPURA, 9 Sept (Bernama) -- Akhbar Straits Times Singapura berkata sistem kewangan antarabangsa patut diperbaharui atau negara-negara lain mungkin terpaksa untuk mengikuti contoh Malaysia dalam menggunakan kawalan modal apabila krisis akan datang menyerang.

Sementara mengakui kejayaan Malaysia dengan kawalan itu, akhbar itu berkata di dalam rencana pengarangnya hari ini, bertajuk "'Ya, tetapi' yang bersyarat", kawalan modal bukanlah pilihan dasar jangka panjang yang berdaya maju.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kawalan modal berpilih-pilih pada September tahun lalu bagi melindungi negara daripada spekulator-spekulator dan perangkaan ekonomi terbaru mengesahkan negara itu keluar daripada kemelesetan.

Kata akhbar yang dikaitkan kerajaan itu: "Masyarakat antarabangsa patut memberi beliau pujian kerana telah berjaya dalam sekatannya, ya, tetapi ia patut juga menguat kuasakan pembaharuan bagi menghendarkan keperluan bagi sekatan yang serupa pada masa akan datang. Seorang Dr Mahathir adalah cuma 'seorang penyeleweng'; dua, tiga atau lebih mungkin bermakna masalah."

Katanya sementara Malaysia telah menggunakan kawalan untuk menyusun semula bank-banknya, ia juga telah mempergunakan mereka untuk mengelakkan pembaharuan sebenar di pihak lain. "Syarikat-syarikat yang ada hubungan baik terus diberi kemudahan melebihi yang lain, pentadbiran korporat masih belum telus sama sekali dan dasar-dasar yang dipersoalkan masih dilindungi."

Pembaharuan sebenar di Malaysia atau di tempat-tempat lain tidak mungkin kecuali kerajaan dan syarikat-syarikat menyerah diri kepada disiplin pasaran, tambahnya.

Akhbar itu berkata lama setelah masalah itu selesai kerana kepimpinan Dr Mahathir yang kontroversial negaranya melalui krisis kewangan, hakikat bahawa beliau telah menentang persefahaman Tabung Matawang Antarabangsa-Washington mengenai keboleh tukaran akaun serasi dan "hidup untuk menceritakan kisah itu akan kekal menjadi warisannya".

"Apabila krisis akan datang menyerang, negara-negara lain mungkin terpaksa untuk mengikuti contohnya. 'Kejayaan' Dr Mahathir menambah kepada hujah bahawa sistem kewangan antarabangsa perlu diperbaharui," katanya.

Menegaskan bahawa ulangtahun pertama kawalan itu berlalu dengan hampir tiada riak, bercanggah dengan ramalan mengenai pengaliran keluar modal besar-besaran, kata akhbar itu banyak ahli ekonomi aliran utama telah tersasar dalam menghujah bahawa pemulihan Malaysia tidak boleh dikaitkan dengan kawalan modal.

"Berita sebenar di sini, hakikat yang patut membimbangkan persefahaman Tabung Matawang Antarabangsa-Washington mengenai keboleh tukaran akaun modal adalah ini: Kawalan modal tidak (ulangan: tidak) membuat sebarang kerosakan sebenar," tambahnya.

Katanya pakar-pakar yang berkata kawalan itu tidak relevan adalah orang-orang yang sama yang meramalkan tidak kurang daripada "api neraka dan kutukan sebagai hadiah yang wajar bagi Malaysia setahun lalu."

"Tetapi itu tidak menjadi kenyataan. Malaysia adalah 'pariah' seketika, tetapi tidak lama. Sebuah pasar gelap tidak menjadi, pelabur-pelabur langsung asing kini kembali dengan kuat ke pasaran saham," katanya. --

BERNAMA

TCL LPS OS

